

PERMOHONAN PENGECUALIAN/PENGURANGAN FI TUNGGAKAN (DENDA LEWAT BAYAR) CUKAI TANAH PDT PETALING

Pemilik tanah yang mempunyai kekangan kewangan dalam menyelesaikan cukai tanah dan tunggakan cukai tanah, boleh membuat permohonan pengurangan/pengecualian fi tunggakan (denda lewat bayar). Borang Permohonan adalah seperti berikut:

- a. Tanah Hakmilik Pendaftar (PN/GN/HSD) – LAMPIRAN A**
- b. Tanah Hakmilik Pendaftar (PM/GM/HSM) – LAMPIRAN B**

Pemohon hendaklah mengisi maklumat peribadi iaitu **Nama, Alamat, No. Tel HP/Rumah, No. Faks (jika ada), Tarikh memohon, ditandatangani dan disertakan dengan No. Kad pengenalan.**

Bagi setiap Borang **LAMPIRAN A** atau **LAMPIRAN B**, permohonan hendaklah **disertakan dengan dokumen sokongan**, seperti yang dinyatakan di **SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN / PENGURANGAN FI TUNGGAKAN**. Pemohon hendaklah memilih hanya salah satu kategori masalah iaitu di antara:

1. Masalah kesihatan yang mana hilang punca pendapatan.
2. Pendapatan seisi keluarga kurang RM1,500.00 sebulan.
3. (A) Orang Kelainan Upaya (OKU), atau
(B) Pesara Awam
4. Masalah berkaitan pemaju perumahan seperti projek terbengkalai, pemaju gulung dan lain-lain.
5. Masalah Lain:
(A) Individu yang mempunyai masalah penganiyaan pihak ke-3 atau belian secara lelong, atau
(B) Pemaju syarikat penyelamat, atau
(C) Tiada Punca Pendapatan

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke Pentadbiran ini dengan hadir ke Bilik Perbincangan, Unit Hasil, PDT Petaling. Sekiranya terdapat pertanyaan, sila kemukakan soalan ke emel **taskforcepetaling@selangor.gov.my**

Sekian, terima kasih.

LANGKAH – LANGKAH MENCETAK BORANG PENGECUALIAN/PENGURANGAN FI TUNGGAKAN (DENDA LEWAT) CUKAI TANAH

1. PILIH MENU - RAKYAT



2. PILIH MENU – PERKHIDMATAN

3. PILIH MENU – MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN

4. PILIH – UNIT HASIL – PILIH BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN/PENGURANGAN FI TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CETAK

- I) **SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN /
PENGURANGAN FI TUNGGAKAN.**
- II) **BORANG LAMPIRAN A – TANAH HAKMILIK PENDAFTAR (PN/GRN/HSD)
ATAU
BORANG LAMPIRAN B – TANAH HAKMILIK PENDAFTAR (PM/GM/HSM)**